

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN AKMAL NASRULLAH
BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi menggantikan kerugian wang RM1.25 bilion berkaitan penyelewengan dana 1MDB seperti dalam kes mahkamah yang mellibatkan Riza Aziz memandangkan hanya RM465.3 juta yang dipulangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia dijangka menerima aset luar negara berkaitan 1MDB bernilai USD107.3 juta atau RM465.3 juta hasil daripada persetujuan yang dicapai untuk Riza Shahriz Abdul Aziz dilepas tanpa dibebaskan daripada pertuduhan pengubahan wang haram. Ini adalah antara persetujuan yang dicapai antara pihak pendakwaan dan tertuduh melalui representasi di mahkamah.

Melalui pelepasan bersyarat ini, pihak pendakwaan berhak mendakwa semula tertuduh sekiranya tidak berpuas hati dengan pelaksanaan persetujuan yang dicapai.

Dalam persetujuan ini juga, tertuduh dikehendaki membayar sejumlah kompaun kepada kerajaan mengikut Seksyen 92, Akta Pencegahan Wang Haram, Pencegahan Pembentangan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, yang mana ia adalah bersifat punitif sebagai alternatif kepada pertuduhan yang dikenakan ke atasnya.

Tuan Yang Dipertua,

Proses untuk mendapatkan semula dana berkaitan 1MDB sedang berjalan dan ia merupakan suatu proses yang rumit dan panjang yang boleh memakan masa bertahun lamanya. Ini kerana ia bukan sahaja melibatkan kerjasama di antara beberapa agensi tempatan dengan agensi asing daripada pelbagai negara, malahan ia turut melibatkan proses perundangan di mahkamah dan proses rundingan penyelesaian.

Namun demikian, Kerajaan akan meneruskan usaha untuk mendapatkan semula semua dana berkaitan 1MDB yang telah diseleweng sama ada melalui tindakan undang-undang mahupun rundingan penyelesaian dengan matlamat utama untuk memaksimumkan pulangan bagi melunaskan hutang 1MDB mengikut masa yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.